

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 22 NOVEMBER (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk membatalkan Akta PDA74 hak milik minyak dan gas boleh dikembalikan kepada Negeri-Negeri masing-masing yang kian lama diambilalih oleh Petronas dengan tidak sah sejak 1976 susulan adanya pendapat undang-undang bahawa Akta Pembangunan Petroleum 1974 adalah tidak berperlembagaan dan tidak sah kerana bercanggah dengan Senarai Negeri di Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED, MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala perbincangan mengenai kedudukan PDA1974 adalah ditangguhkan buat sementara waktu di bawah Majlis Khas MA63, bagi memberi laluan kepada penyelesaian secara komersial mengenai minyak dan gas yang sedang dibincangkan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah dan Petronas.
2. YB Menteri Kewangan dan YB Menteri Kanan Kerja Raya telah diberikan mandat untuk mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama di Antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Petronas di mana kedua-dua pihak telah selesai memeterai penyelesaian secara komersial dan telah menandatangani *Commercial Settlement Agreement* pada 7 Disember 2020 dengan disaksikan oleh mantan YAB Perdana Menteri Ke-8 dan YAB Ketua Menteri Sarawak.
3. Manakala, Jawatankuasa Bersama di Antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Petronas masih dalam peringkat untuk ditubuhkan. Kerajaan Negeri Sabah dan pihak Kementerian Kewangan masih dalam proses penyediaan terma rujukan bagi Jawatankuasa Bersama tersebut.
4. Kerajaan Persekutuan sentiasa terbuka untuk meneliti perundangan dan dasar mengikut situasi dan cabaran semasa. Pada masa ini Kerajaan Persekutuan berpendirian untuk tidak meminda atau memansuh Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA1974).

Sekian, terima kasih.